



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.3 (62)

Tarikh : 01 Mac 2024

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMATUHAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 95 (a) DAN AP169(D)(d) BAGI
PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN/TANGGUNGAN KONTRAK KERAJAAN
(BEKALAN DAN PERKHIDMATAN) DAN INDEN KERAJAAN/TANGGUNGAN
KONTRAK KERAJAAN (KERJA)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, Jabatan ini mendapati bahawa terdapat isu berkenaan pengeluaran Pesanan Kerajaan/Tanggunguan Kontrak Kerajaan untuk bekalan dan perkhidmatan serta Inden Kerajaan/Tanggunguan Kontrak Kerajaan untuk kerja yang tidak atau lewat dibuat pertanggunguan di Sistem ePerolehan dan iGFMS berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Ketetapan peraturan ini adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP)95(a), AP169D(d), Pekeliling Perbendaharaan dan SPANM Bil.5 Tahun 2023.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini ingin menarik perhatian dan memberikan peringatan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam memastikan pematuhan kepada perkara berikut:

- (i) Pesanan Kerajaan (eP dan iGFMS) hendaklah dikeluarkan **sebelum atau pada masa** sebarang bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima oleh Agensi;
- (ii) Tanggungan Kontrak Kerajaan (eP dan iGFMS) hendaklah dipertanggung **sebelum** bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima oleh Agensi;
- (iii) Inden Kerajaan melalui sistem iGFMS hendaklah dikeluarkan **sebelum** kerja dimulakan; dan
- (iv) Tanggungan Kontrak Kerajaan (perolehan Kerja) melalui iGFMS hendaklah dipertanggung **sebelum** kontrak tamat atau kerja selesai.

4. Sebagaimana pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, merujuk kepada surat rujukan MOF.BPK(S)600-14/28/2(6) bertarikh 25 November 2022, MoF telah bersetuju agar **kuasa untuk menimbang dan meluluskan permohonan pembayaran melalui Invois Tanpa PK diturunkan kepada Pegawai Pengawal** berdasarkan syarat-syarat berikut:

- (i) Permohonan pembayaran Invois Tanpa PK yang bernilai kumulatif sehingga RM1 juta (tanpa had bilangan invois) bagi setiap satu kontrak/perolehan;
- (ii) Permohonan pembayaran Invois Tanpa PK bagi tahun semasa dan setahun sebelum sahaja (contoh: tahun semasa – 2022, setahun sebelum – 2021);
- (iii) Permohonan yang tidak memenuhi syarat di perenggan (i) dan (ii) hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan MoF berdasarkan tatacara sedia ada; dan
- (iv) Agensi hendaklah memastikan fi perkhidmatan ePerolehan dikenakan bagi setiap transaksi melalui sistem iGFMS berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

5. Bersama-sama ini disertakan lampiran berikut untuk rujukan dan perhatian pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya jua;


- (i) **Lampiran A – Contoh Senario dan Implikasi; dan**
- (ii) **Lampiran B – Takrifan Proses Dalam Kontrak Kerja**

6. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Dana di talian 09-5915037/5033/5034. Perhatian dan komitmen dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan prosedur dan tatacara kewangan adalah teratur berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang

LAMPIRAN A

CONTOH SENARIO DAN IMPLIKASI

BIL.	TINDAKAN PTJ	SENARIO	TARIKH AKHIR PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN / TANGGUNGAN KONTRAK / INDEK KERAJAAN	IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN / KELEWATAN
1.	<p>Pesanan Kerajaan eP (P1) hendaklah dikeluarkan sebelum atau pada masa bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sekiranya peruntukan lewat diterima oleh PTJ, kelulusan Pegawai Pengawal hendaklah diperolehi. 	<p>Tarikh bekalan atau perkhidmatan diterima : 20 Februari 2024</p>	<p>Selewat-lewatnya pada : 20 Februari 2024</p>	<p>Permohonan kelulusan pembayaran secara Invois Tanpa PK melalui Pegawai Pengawal dengan mematuhi Perenggan 4</p>
2.	<p>Tanggungian Kontrak Kerajaan eP (P2) hendaklah dipertanggung sebelum bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sekiranya peruntukan lewat diterima oleh PTJ, kelulusan Pegawai Pengawal hendaklah diperolehi. 	<p>Tempoh pertanggungian: 1 Mac 2024 – 31 Mac 2024</p> <p>Tempoh pertanggungian: Mac 2024 – Julai 2024</p>	<p>Hari pertama bulan Mac 2024 (1 Mac 2024)</p> <p>Hari pertama bulan Mac 2024 (1 Mac 2024)</p>	<p>Permohonan kelulusan pembayaran secara Invois Tanpa PK melalui Pegawai Pengawal dengan mematuhi Perenggan 4</p>


BIL.	TINDAKAN PTJ	SENARIO	TARIKH AKHIR PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN / TANGGUNGAN KONTRAK / INDEN KERAJAAN	IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN / KELEWATAN
3.	Pesanan Kerajaan iGFMAS (P3) hendaklah dikeluarkan sebelum atau pada masa bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima.	Tarikh bekalan atau perkhidmatan diterima : 20 Februari 2024	Selewat-lewatnya pada : 20 Februari 2024	Surat justifikasi kelewatan dikemukakan ke Pejabat Perakaunan melalui emel ke bayaran_phg@anm.gov.my
4.	Tanggungan Kontrak Kerajaan iGFMAS (P4) hendaklah dipertanggung sebelum bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima.	Tempoh pertanggungan: 1 Mac 2024 – 31 Mac 2024 Tempoh pertanggungan: Mac 2024 – Julai 2024	Hari pertama bulan Mac 2024 (1 Mac 2024) Hari pertama bulan Mac 2024 (1 Mac 2024)	Surat justifikasi kelewatan dikemukakan ke Pejabat Perakaunan melalui emel ke bayaran_phg@anm.gov.my
5.	Inden Kerajaan (P6) melalui Sistem iGFMAS hendaklah dikeluarkan sebelum kerja dimulakan.	Tarikh mula kerja: 1 Mac 2024	Selewat-lewatnya pada 29 Februari 2024	Surat justifikasi kelewatan dikemukakan ke Pejabat Perakaunan melalui emel ke bayaran_phg@anm.gov.my
6.	Tanggungan Kontrak Kerajaan (P7) melalui iGFMAS hendaklah dipertanggung sebelum kontrak tamat atau kerja selesai.	Tempoh pertanggungan: 1 Mac 2024 – 31 Julai 2024	Selewat-lewatnya pada 31 Julai 2024	Surat justifikasi kelewatan dikemukakan ke Pejabat Perakaunan melalui emel ke bayaran_phg@anm.gov.my

Rujukan :

- (i) Arahan Perbendaharaan 95(a)
- (ii) Arahan Perbendaharaan 169D (d)
- (iii) Pekeliling Perbendaharaan PK4.2
- (iv) Pekeliling Perbendaharaan PK5.1
- (v) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.5/2023

LAMPIRAN B

PROSES DALAM KONTRAK KERJA



TAKRIFAN PROSES DALAM KONTRAK KERJA

TAKRIFAN	
BIL.	TERMA PROSES
1.	Tempoh Pembinaan
	Bermula dari tarikh milik tapak sehingga pengeluaran Perakuan Siap Kerja (<i>Certified of Practical Completion – CPC</i>) atau Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (<i>Certified of Completion and Compliance – CCC</i>).
2.	Tamat Pembinaan
	Pengeluaran Perakuan Siap Kerja (<i>Certified of Practical Completion – CPC</i>) atau Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (<i>Certified of Completion and Compliance – CCC</i>).
3.	Kerja Selesai
	Semua obligasi kontrak telah ditunaikan dan bayaran muktamad telah disempurnakan.
4.	Tempoh Kontrak
	Merangkumi tempoh pembinaan sehingga CPC / CCC dikeluarkan, namun semua obligasi atau proses kerja seperti tempoh tanggungan kecacatan, pengeluaran sijil siap memperbaiki kecacatan dan perakuan akaun bayaran muktamad merupakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum dibenarkan bayaran muktamad dilakukan. Tempoh pembayaran bawah kontrak adalah sehingga akaun muktamad & bayaran akhir iaitu obligasi akhir kontrak.
5.	<i>Extension of Time (EOT)</i>
	Perlanjutan kepada tempoh pembinaan dan segala obligasi atau proses kerja juga akan dilanjutkan sekiranya berlaku EOT.